

Hubungan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Sekolah Rendah Terhadap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (*The Relationship of Elementary School History Teachers' Self-Efficacy to the Application of Historical Thinking Skills*)

Katherine Suda anak Libau^{1*}, Anuar Ahmad¹

¹ Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: katherinesuda23@gmail.com

Accepted: 15 April 2023 | Published: 30 April 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.1.24>

Abstrak: Efikasi sendiri guru dapat memastikan seseorang guru melaksanakan langkah kawalan ke atas pemikiran, perasaan, motivasi dan tindakan mereka. Maka, kajian ini membincangkan tentang hubungan tahap efikasi sendiri guru sejarah dengan tahap penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) sekolah rendah. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi untuk menganalisis data dikumpul melalui kaedah kuantitatif. Data dikumpul menerusi instrumen soal selidik dengan menggunakan Teachers' Sense of Efficacy Scale (TSES) oleh Tschannen-Moran dan Hoy dan item yang dibina oleh pengkaji sendiri dan disesuaikan dengan kajian ini. Menerusi reka bentuk pensampelan bertujuan dan rawak mudah, seramai 80 orang guru sekolah rendah luar bandar di Sarawak telah terlibat dengan kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 25.0 yang melibatkan skor min dan korelasi. Frekuensi dan peratusan turut digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap efikasi sendiri guru Sejarah berada pada tahap sederhana (min = 4.03, SP = 0.654). Tahap penerapan KPS pula berada pada tahap tinggi (min = 4.06, SP = 0.745). Kajian ini mendapati terdapat hubungan antara tahap efikasi sendiri guru Sejarah dan tahap penerapan KPS. Kesimpulannya, dapat dibuktikan bahawa tahap penerapan KPS di sekolah rendah luar bandar Sarawak dipengaruhi oleh tahap efikasi sendiri guru.

Kata kunci: efikasi sendiri guru, guru sejarah luar bandar, kemahiran pemikiran sejarah

Abstract: Teacher self-efficacy can ensure that a teacher implements control measures over their thoughts, feelings, motivations and actions. Therefore, this study discusses the relationship between the level of self-efficacy of history teachers and the level of application of Historical Thinking Skills (KPS) in primary schools. This study uses descriptive analysis and inferential analysis to analyze data collected through quantitative methods. Data was collected through a questionnaire instrument using the Teachers' Sense of Efficacy Scale (TSES) by Tschannen-Moran and Hoy and items constructed by the researcher himself and adapted to this study. Through a purposive and simple random sampling design, a total of 80 rural primary school teachers in Sarawak were involved in this study. Data were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 25.0 software involving mean scores and correlations. Frequencies and percentages are also used in this study. The findings of the study found that the level of self-efficacy of History teachers was at a moderate level (mean = 4.03, SP = 0.654). The level of KPS implementation is at a high level (mean = 4.06, SP = 0.745).

0.745). This study found that there is a relationship between the level of self-efficacy of History teachers and the level of KPS implementation. In conclusion, it can be proven that the level of implementation of KPS in rural primary schools in Sarawak is influenced by the level of self-efficacy of teachers.

Keywords: teacher self-efficacy, rural history teachers, historical thinking skills

1. Pengenalan

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, pendidikan Sejarah telah menekankan proses membina generasi baharu rakyat Malaysia yang harmoni, aman damai serta berpengetahuan, khasnya melalui unsur bahasa dan kekuatan budaya bangsa (Mohamad Rodzi, 2009). Mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah telah diwujudkan pada tahun 2014 dengan menekankan tiga elemen penting, iaitu elemen kewarganegaraan, patriotisme dan perlembagaan. Oleh itu, penghayatan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) perlu ditekankan agar murid dapat menghayati isi mata pelajaran Sejarah. KPS tidak terhasil secara semula jadi tetapi perlu didorong secara luaran dengan membaca, mengumpul dan menganalisis bermacam sumber sejarah (Wineburg, 2001). Walau bagaimanapun, mata pelajaran Sejarah masih lagi dilihat sebagai mata pelajaran yang membosankan, stereotaip, tidak mencabar dan statik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Oleh itu, guru Sejarah memainkan peranan bagi mewujudkan keadaan pembelajaran yang menyeronokkan dan mampu mengatur proses pembelajaran di dalam kelasnya.

Antara faktor yang penting dalam pengajaran ialah efikasi sendiri guru. Tschannen-Moran dan Hoy (2001) menyatakan bahawa, efikasi sendiri merupakan kepercayaan guru terhadap kebolehannya sendiri untuk melakukan perkara seperti merancang dan menjalankan tugas pengajaran. Ini bermakna efikasi sendiri ialah kebolehan guru menyiapkan tugas dengan jayanya. Efikasi sendiri guru adalah penting bagi memastikan KPS dapat diterapkan dengan berkesan dalam mata pelajaran Sejarah. Keyakinan dan kebolehan seseorang guru untuk menyampaikan maklumat dapat menjamin kejayaan murid di sekolah. Justeru, kajian ini perlu bagi membantu guru mengembangkan kebolehan diri dengan meningkatkan elemen efikasi sendiri dalam diri mereka.

Terdapat beberapa kajian yang melaporkan efikasi guru. Walau bagaimanapun, masih belum ada kajian tentang efikasi sendiri guru Sejarah sekolah rendah di luar bandar Sarawak. Kajian ini berhasrat untuk mengupas isu ini dari sudut yang berlainan, iaitu dengan meninjau hubungan antara efikasi sendiri guru mata pelajaran Sejarah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Antara isu utama dalam pengajaran Sejarah ialah, KPS tidak digunakan di dalam bilik darjah secara meluas. Antara salah satu faktornya ialah guru Sejarah tidak berasa yakin dengan kemahiran mengajar mereka. Kajian ini ingin mengetahui sama ada efikasi sendiri guru mata pelajaran Sejarah berkaitan dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah. Maka, diharapkan kajian ini dapat memberikan implikasi kepada peningkatan kualiti pengajaran Sejarah di luar bandar Sarawak. Justeru, kajian berkenaan efikasi sendiri guru Sejarah terhadap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah perlu dilaksanakan agar hasil kajian ini dapat menjadi rujukan oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah dan guru Sejarah sendiri. Terdapat tiga persoalan kajian yang dikaji dalam kajian ini, iaitu:

- a) Apakah tahap efikasi sendiri guru Sejarah sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak?
- b) Apakah tahap penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak?
- c) Apakah hubungan antara efikasi sendiri guru Sejarah serta penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak?

Berikut merupakan objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian tersebut:

- a) Mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Sejarah sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak.
- b) Mengenal pasti tahap penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak.
- c) Mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri guru Sejarah serta penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak.

Hipotesis Kajian

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri guru Sejarah dan penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak.

2. Sorotan Literatur

2.1 Efikasi Guru

Efikasi sendiri guru ialah kepercayaan seseorang guru terhadap kebolehan mereka melakukan perkara seperti merancang dan menjalankan tugas pengajaran dalam konteks tertentu (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001). Keupayaan seorang guru melaksanakan tugas yang diberikan bergantung kepada tahap efikasi sendiri yang dimilikinya. Selain itu, efikasi sendiri juga merujuk kepada kebolehan diri untuk belajar, melaksanakan tugas dan mendapatkan hasil yang dikehendaki (Bandura, 1977). Menurut Cocca et. al (2018), keyakinan guru dalam mengatur dan menyusun strategi pengajaran adalah permulaan kepada peralihan inovatif dalam PdP yang boleh meningkatkan prestasi murid. Oleh itu, setiap guru di negara ini perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam diri mereka supaya kualiti pendidikan di negara kita dapat ditingkatkan.

Selain itu, efikasi sendiri juga didefinisikan sebagai kebolehan seseorang guru untuk mendorong dan membantu murid-muridnya di dalam kelas tanpa mengira latar belakang murid (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001). Guru yang berefikasi tinggi dapat membantu muridnya dan menguruskan kelas dengan baik dan efisien. Hal ini bermakna, guru yang berefikasi tinggi juga mampu menghadapi pelbagai cabaran dengan mudah.

2.2 Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) adalah salah satu unsur yang penting dalam bidang Pendidikan Sejarah. Murid boleh memahami signifikan peristiwa sejarah secara kreatif dan kritis dengan melalui bukti-bukti sejarah yang diterokai oleh sejarawan yang menggabungkan semua peristiwa sudah berlaku (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Abdul Razaq Ahmad (2010); Rosy Talin (2015); Siti Hawa Abdullah (2008) menyatakan bahawa murid boleh mengaplikasikan pengajaran yang diperoleh dalam konteks hidupan mereka dengan menerapkan kemahiran pemikiran sejarah di mana murid dapat berfikir secara kritis dan melakukan penilaian terhadap bukti sejarah serta menghasilkan perkaitan antara satu peristiwa penerapan kemahiran pemikiran sejarah yang telah terjadi.

Dalam kurikulum sejarah di bawah Pusat Perkembangan Kurikulum (2015), terdapat lima elemen KPS iaitu kemahiran memahami kronologi, membuat imaginasi, meneroka bukti,

membuat rasionalisasi dan membuat interpretasi boleh dipelajari, diamalkan dan dibudayakan dalam kalangan murid. Menurut PPK (2003), kemahiran garis masa dan peristiwa sejarah adalah dirujuk kepada kemahiran memahami kronologi. Selain itu, kemahiran memahami kronologi juga merupakan kemahiran memahami konsep masa mengikut perkembangan satu tamadun dan memahami peristiwa mengikut zaman tanpa tahunnya (KPM, 2003). Keseluruhannya, memahami garis masa membolehkan murid memahami sepenuhnya proses peristiwa sesuatu tamadun dari awal sehingga akhir (Mohd Mahzan et al., 2016). Melalui kemahiran ini, murid dapat mempelajari cara untuk memahami peristiwa lampau, peristiwa pada masa kini dan peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan.

Kemahiran meneroka bukti merupakan keupayaan untuk mengenali pendapatan maklumat yang berbeza untuk membentuk pemahaman tentang sejarah (PPK, 2015). Untuk membuat perbandingan antara sumber utama dengan sumber kedua, pembelajaran boleh dilakukan melalui kaedah arkeologi, kaedah bertulis dan kaedah lisan (PPK, 2015). Seterusnya, pengetahuan murid tentang penerokaan bukti membolehkan mereka menganalisis sumber dan merekodkan hasil analisis (KPM, 2015). Selain itu, kemahiran membuat interpretasi pula ialah kemahiran mengemukakan ulasan dan interpretasi tentang peristiwa-peristiwa Sejarah demi difahami oleh murid tentang hubungan kait antara tafsiran dan fakta Sejarah (PPK, 2003). Melalui kemahiran membuat ulasan, murid dapat membuat ulasan serta pandangan berdasarkan tafsiran dan pandangan ahli sejarah mengenai sesuatu peristiwa sejarah tersebut.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan kemahiran membuat imaginasi sebagai kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam sejarah. Murid berpeluang untuk membayangkan sesuatu peristiwa sejarah secara empati dan menilai peristiwa tersebut berdasarkan apa yang dilihat oleh mereka. Dalam erti kata lain, kemahiran membuat imaginasi ialah teknik yang membantu murid melibatkan diri dengan situasi sejarah secara visual dan emosi. Murid juga boleh menggunakan imaginasi untuk mencipta senario berdasarkan perasaan mereka sendiri.

Seterusnya, kemahiran membuat rasionalisasi pula merujuk kepada proses menggunakan akal fikiran (PPK, 2016). Melalui proses pemikiran ini, murid dapat membuat andaian yang bersesuaian bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul. Menurut Paul dan Elder (2006), proses pengumpulan data, melakukan hipotesis, memastikan signifikan bukti dan menyatakan inferens daripada data yang telah diperoleh dapat membantu murid memikirkan keputusan yang lebih rasional untuk masa akan datang.

Kemahiran Pemikiran Sejarah membantu murid untuk berfikir tentang idea serta fakta yang kompleks dan abstrak dari masa lalu, dan memahami aspek kehidupan manusia dari masa lalu hingga hari ini dengan cara yang bernas (Rosy Talin, 2015; PPK, 2016). Penekanan terhadap KPS sebagai elemen vital dalam mata pelajaran Sejarah perlu diambil serius oleh guru dan murid supaya pengaplikasian ilmu sejarah dapat dimaksimumkan dalam proses PdP. Ringkasan elemen KPS ditunjukkan seperti rajah 1 di bawah.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah berbentuk tinjauan yang melibatkan pendekatan kuantitatif. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dan mengemukakan analisis data deskriptif daripada soal selidik (Hubungan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Sekolah Rendah Terhadap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah). Menurut Chua (2006), dalam

bidang sains sosial dan bidang pendidikan, kaedah penyelidikan yang terkenal digunakan adalah kajian tinjauan yang mana tidak melibatkan eksperimental.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di kawasan luar bandar di Sarawak yang berada di sekolah kategori luar bandar, Pedalaman 1 (P1), Pedalaman 2 (P2), dan Pedalaman 3 (P3) yang mengajar mata pelajaran Sejarah di kawasan berdekatan dengan sekolah pengkaji. Pengkaji memilih kawasan luar bandar di Sarawak kerana belum ada kajian yang dijalankan mengenai efikasi sendiri di kawasan luar bandar, Sarawak. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan sampel kajian seramai 80 orang dengan populasi seramai 100 orang. Untuk menentukan saiz populasi ini, Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) telah dirujuk oleh pengkaji. Selain itu, responden kajian telah dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan rawak mudah.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen ini terdapat tiga bahagian utama, iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden, Seterusnya, Bahagian B pula terdiri daripada instrumen yang diadaptasi daripada kaji selidik Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) yang dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh pengkaji dan menggunakan Skala Sembilan Mata. Bagi skala pengukuran tahap rendah bermula dari 1-3 dan tahap sederhana bermula dari 4-6 manakala tahap tinggi bermula dari 7-9. Bahagian B terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu penglibatan murid dalam PdP (mengukur kesungguhan guru memberikan sokongan kepada murid), strategi pengajaran (mengukur kesungguhan guru memberi kefahaman kepada murid) dan pengurusan kelas (kesungguhan guru mengawal kelas). Seterusnya, Bahagian C pula berkaitan dengan tahap penerapan kemahiran pemikiran sejarah (KPS) dalam kalangan guru sejarah sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak dengan menggunakan Skala Lima Mata. Spesifikasi instrumen ini adalah seperti berikut:

Jadual 1: Item Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Bil. Item	No. Item
A	Demografi Responden	4 item	A1-A4
B	Tahap Efikasi Kendiri Guru Sejarah		
	a) Penglibatan Murid dalam PdP	8 item	B1 – B8
	b) Strategi Pengajaran	7 item	B9 – B15
	c) Pengurusan Kelas	9 item	B16 – B24
C	Tahap Penerapan KPS dalam Kalangan Guru Sejarah Sekolah Rendah Luar Bandar di Sarawak		
	a) Kemahiran memahami kronologi	5 item	C1 – C5
	b) Kemahiran meneroka bukti	5 item	C6 – C10
	c) Kemahiran membuat interpretasi	5 item	C11 – 15
	d) Kemahiran membuat imaginasi	5 item	C16 – C20
	e) Kemahiran membuat rasionalisasi	5 item	C21 – C25

Borang selidik ini telah dibina dengan menggunakan Google Form bagi memudahkan pengedaran borang soal selidik. Untuk mengedarkan borang soal selidik ini, aplikasi Whatsapp dan Telegram telah digunakan. Soal selidik ini telah disemak dan disahkan oleh pakar bidang Sejarah.

3.4 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Pengkaji telah menentukan kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik dengan mengumpulkan dan menganalisis instrumen tersebut menggunakan perisian IBM SPSS

Statistic Version 25.0. Seramai 20 orang guru Sejarah luar bandar telah dipilih secara rawak bertujuan. Kajian rintis telah dijalankan dan nilai indeks kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah seperti berikut:

Jadual 2: Nilai Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach

Bahagian	Konstruk	Bil. Item	Cronbach's Alpha
B	Tahap Efikasi Kendiri Guru Sejarah	24 item	.944
C	Tahap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah	25 item	.956
Jumlah Keseluruhan		49 item	.958

3.5 Analisis Data

Maklumat data telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan IBM SPSS Statistic Version 25.0. Bagi menerangkan tahap efikasi kendiri guru Sejarah dan tahap penerapan KPS, data dianalisis secara deskriptif untuk menerangkan skor min. Bagi menerangkan tahap tanggapan untuk skor min efikasi kendiri guru, pengkaji telah merujuk jadual yang digunakan oleh Haidi Entoh (2019). Bagi menerangkan tahap tanggapan untuk tahap penerapan KPS pula, pengkaji telah merujuk jadual yang digunakan oleh Pallant (2010).

Jadual 3: Interpretasi Skor Min Efikasi Kendiri Guru

Skor Min Efikasi Guru	Tahap
$1.00 \leq M \leq 3.66$	Rendah
$3.67 \leq M \leq 6.33$	Sederhana
$6.34 \leq M \leq 9.00$	Tinggi

Sumber: Haidi Entoh (2019)

Jadual 4: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Pallant (2010)

Bagi menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah kajian, iaitu efikasi kendiri guru Sejarah dan penerapan KPS di kawasan luar bandar Sarawak, statistik inferensi dengan menggunakan analisis korelasi Pearson telah digunakan.

4. Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, seramai 80 orang responden telah terlibat. Responden tersebut terdiri daripada guru Sejarah yang bertugas di kawasan luar bandar di Sarawak. Berikut merupakan analisis demografi responden bagi kajian ini:

Jadual 5: Analisis Demografi Responden

Item	Perkara	Frekuensi	Peratus (%)
Gender	Lelaki	24	30.0
	Perempuan	56	70.0
Status sekolah	Luar bandar	39	48.8
	Pedalaman 1	14	17.5
	Pedalaman 2	5	6.3

	Pedalaman 3	22	27.5
Pengalaman mengajar	1 – 5 tahun	45	56.3
	6 – 8 tahun	22	27.5
	9 tahun ke atas	13	16.3
Kelulusan akademik	Diploma	3	3.8
	Ijazah Sarjana Muda	64	80.0
	Sarjana	13	16.3
	Ijazah Kedoktoran Falsafah	0	0

Taburan data dalam Jadual 5 menunjukkan maklumat jantina responden guru lelaki ialah 30.0% (n=23), manakala responden guru perempuan adalah 70.0% (n=56) lebih banyak daripada responden lelaki. Bagi maklumat status sekolah, sebanyak 48.8% (n=39) guru mengajar di kawasan luar bandar, manakala sebanyak 17.5% (n=14) guru mengajar di Pedalaman 1, 6.3% (n=5) guru mengajar di Pedalaman 2 dan 27.5% (22) guru mengajar di Pedalaman 3. Seterusnya, bagi maklumat pengalaman mengajar, sebanyak 56.3% (n=45) guru telah mengajar selama 1-5 tahun. Manakala, sebanyak 27.5% (n=22) guru telah mengajar selama 6-8 tahun dan sebanyak 16.3% (n=13) guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 9 tahun ke atas. Selain itu, bagi maklumat kelulusan akademik pula, sebanyak 3.8% (n=3) guru merupakan lulusan Diploma dan 80% (n=64) guru lulusan Ijazah Sarjana Muda lebih banyak dari lulusan Diploma. Manakala, sebanyak 16.3% (n=13) guru merupakan lulusan Ijazah dan tiada guru lulusan Ijazah Kedoktoran Falsafah.

4.1 Tahap Efikasi Kendiri Guru Sejarah Sekolah Rendah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak.

Jadual 6: Tahap Efikasi Kendiri Guru Sejarah

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Penglibatan Murid	3.94	0.674	Sederhana
Strategi Pengajaran	4.07	0.612	Sederhana
Pengurusan Kelas	4.09	0.678	Sederhana
Purata Skor Min	4.03	0.654	Sederhana

Jadual 6 menunjukkan dapatan bagi objektif kajian pertama. Berdasarkan data yang diperolehi, tahap efikasi kendiri guru Sejarah di kawasan luar bandar, Sarawak adalah berada pada tahap sederhana (min = 4.03, SP = 0.654). Konstruk yang mempunyai skor min yang tertinggi ialah konstruk pengurusan kelas (min = 4.09, SP = 0.678) manakala konstruk yang mempunyai skor min yang paling rendah ialah konstruk penglibatan murid (min = 3.94, SP = 0.674).

4.2 Tahap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Di Kawasan Luar Bandar, Sarawak.

Jadual 7: Tahap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Memahami kronologi	4.09	0.698	Tinggi
Meneroka bukti	3.97	0.738	Tinggi
Membuat interpretasi	4.10	0.698	Tinggi
Membuat imaginasi	4.01	0.712	Tinggi
Membuat rasionalisasi	4.14	0.883	Tinggi
Purata Skor Min	4.06	0.745	Tinggi

Analisis bagi tahap penerapan KPS ditunjukkan dalam Jadual 7. Jadual ini menunjukkan dapatan bagi objektif kajian pertama. Berdasarkan data yang diperoleh, tahap penerapan KPS di kawasan luar bandar, Sarawak adalah berada pada tahap tinggi (min = 4.07, SP = 0.754). Konstruk yang mempunyai skor min yang tertinggi ialah konstruk membuat rasionalisasi (min = 4.14, SP = 0.745) manakala konstruk yang mempunyai skor min yang paling rendah ialah konstruk meneroka bukti (min = 3.97, SP = 0.738).

4.3 Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru Sejarah dan Penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak.

Jadual 8: Analisis Korelasi Pearson antara Efikasi Kendiri Guru Sejarah dan Penerapan KPS Sekolah Rendah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak
 Efikasi Kendiri Guru Sejarah

		Efikasi Kendiri Guru Sejarah
Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah	Korelasi Pearson	0.705**
	Sig. n	0.000
	N	80

Hasil analisis korelasi Pearson dalam Jadual 5.0 melaporkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tahap efikasi kendiri guru Sejarah dan penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak dengan nilai $r(80) = 0.705$, $p < 0.01$. Ini menunjukkan hubungan yang positif dengan tahap tinggi menurut skala Davies (1971). Keadaan ini menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru Sejarah mempunyai hubungan dengan penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak. Maka, hipotesis nol H_0 adalah tidak benar dan ditolak.

5. Perbincangan

5.1 Tahap Efikasi Kendiri Guru Sejarah Sekolah Rendah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak.

Tahap efikasi kendiri guru Sejarah sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Hal ini berkemungkinan berpunca dari cabaran yang dihadapi di kawasan luar bandar seperti ketiadaan internet, bentuk geografi dan beban tugas guru yang banyak. Dapatan kajian ini menyamai hasil kajian yang dijalankan oleh Azwan Ahmad et. al. (2005) yang menyatakan bahawa guru sejarah masih mempunyai tahap efikasi yang sederhana dalam penggunaan ICT di sekolah. Selain itu, kajian ini juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Raja Nor Azuwah dan Nik Rosila (2022) yang menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap efikasi yang sederhana. Secara ringkasnya, responden merasakan mereka memiliki tahap keyakinan yang sederhana bagi menjayakan tugas pengajaran yang melibatkan penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas. Guru Sejarah perlu berani untuk menghadapi cabaran-cabaran baru pada masa kini agar dapat membudayakan KPS di sekolah. Menurut Burgueno et. al. (2019), kejayaan guru menghadapi cabaran baru mampu mendorong mereka meningkatkan keyakinan dan motivasi dalaman bagi melaksanakan kerja mengikut kemampuan seseorang guru tersebut.

Namun demikian, kajian ini tidak sehaluan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Norakmar et. al. (2019) yang melaporkan tahap efikasi kendiri guru di Kedah adalah tinggi terutamanya dalam dimensi penglibatan murid. Selain itu, kajian lepas juga mendapati Guru Pendidikan Islam dan guru di Semenanjung Malaysia turut mempunyai efikasi kendiri yang tinggi, namun tiada kaitan dengan teknologi (Noornajihan, 2019; Liang Fei Shin dan Tai Mei Kin, 2021). Jurang dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan guru Sejarah

mempunyai cabaran menguruskan dimensi penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas.

Selain itu, kajian ini juga berbeza dengan dapatan yang diperoleh Faridah Darus dan Mohd Khairuddin (2021) yang menyatakan bahawa efikasi guru di MRSM berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menjayakan pengajarannya di dalam kelas. Selain itu, murid-murid juga dapat menerima arahan dan melibatkan diri dalam strategi pengajaran yang dilaksanakan oleh guru di MRSM. Dapatan ini juga mungkin berbeza kerana faktor sampel yang lebih besar telah digunakan oleh pengkaji. Kajian Ong Eng Ling dan Faridah Mydin (2022) juga berbeza dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan skor min efikasi sendiri guru dalam penggunaan teknologi digital berada pada tahap tinggi. Dalam kajian ini, kesemua analisis deskriptif menunjukkan semua dimensi efikasi sendiri guru diinterpretasikan sebagai tahap tinggi.

5.2 Tahap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Sekolah Rendah Di Kawasan Luar Bandar, Sarawak

Tahap penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak keseluruhannya mencatatkan skor min yang tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, kelima-lima konstruk dalam KPS mencatatkan tahap yang tinggi. Konstruk kemahiran membuat rasionalisasi mencatatkan skor min paling tinggi. Dapatan kajian ini sama dengan kajian yang dilaksanakan oleh M. Kaviza (2020) yang menyatakan bahawa tahap pandangan guru terhadap penerapan KPS dalam PdP berasaskan sumber adalah tinggi. Dapatan ini menyokong kajian Abdul Razaq (2014) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap konsep KPS yang tinggi telah memberikan implikasi kepada guru sejarah. Menurutnya, guru sejarah mampu mengaplikasikan KPS dengan baik dalam kalangan murid melalui pelaksanaan kaedah dan aktiviti pembelajaran seperti soal jawab, inkuiri, perbincangan, multimedia, brainstorming, projek, penceritaan, simulasi, perdebatan, modelling, dan analisis dokumen secara efisien di dalam kelas.

Selain itu, kajian ini selari dengan kajian Abdul Rahim dan Asmah (2018) yang menunjukkan tahap persepsi guru terhadap penerapan KPS dalam PdP berasaskan sumber adalah tinggi. Justeru, guru-guru Sejarah perlu bijak untuk mencari dan mengaplikasikan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan murid mereka. Selain itu, kajian Abdul Rahim dan Asmah juga melaporkan penggunaan peta i-Think dalam pengajaran dapat membantu murid menerapkan KPS dengan lebih berkesan. Maka, guru perlu memaksimumkan penggunaan bahan pengajaran di dalam kelas supaya murid dapat terlibat aktif dan berminat dengan proses PdP.

Walau bagaimanapun, kajian ini tidak seliran dengan kajian yang dijalankan M. Kaviza (2019) yang menyatakan bahawa tahap pengamalan KPS berada pada tahap sederhana dan tahap penguasaan KPS berada pada tahap rendah. Namun begitu, kajian tersebut dijalankan di sekolah menengah dan faktor populasi dan sampel mungkin mengakibatkan keputusan kajian yang berbeza. Kajian ini juga turut mencadangkan bahawa penerapan KPS di sekolah perlulah lebih teratur dan sistematik dengan mengambil kira gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid.

5.3 Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru Sejarah Dan Penerapan KPS Sekolah Rendah Di Kawasan Luar Bandar, Sarawak

Keputusan analisis korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tahap efikasi sendiri guru Sejarah dan penerapan KPS sekolah rendah di kawasan luar bandar, Sarawak. Hal ini bermaksud, efikasi sendiri guru mempengaruhi penerapan KPS di

dalam kelas. Walaupun dapatan kajian melaporkan efikasi guru berada pada tahap sederhana, namun guru-guru tetap menerapkan KPS dengan komited di sekolah. Keupayaan guru untuk menerapkan KPS di sekolah membuktikan bahawa guru di kawasan luar bandar mampu mengatasi cabaran dalam pengajaran mereka.

Walau bagaimana pun, kajian ini tidak selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Awanis et. al. (2016) yang melaporkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah di kawasan luar bandar. Hal ini mungkin berpunca daripada pemboleh ubah luar yang mempengaruhi kajian tersebut. Efikasi sendiri guru berkait rapat dengan pencapaian guru di sekolah. Hal ini kerana guru yang berefikasi tinggi cenderung untuk memajukan diri dan mampu melaksana pelbagai strategi pengajaran dan tidak bersikap sambil lewa.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, efikasi sendiri guru Sejarah berada pada tahap sederhana, namun penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) tetap dilaksanakan dengan kerap dan baik di sekolah. Kajian ini juga menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tahap efikasi sendiri guru Sejarah dan tahap penerapan KPS di sekolah rendah kawasan luar bandar, Sarawak. Namun begitu, kajian ini masih belum menyeluruh. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pengkaji yang akan datang mengetengahkan faktor jantung, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik untuk dikaji dalam menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu ramai pihak memahami berkenaan efikasi sendiri guru Sejarah di kawasan luar bandar, Sarawak.

Rujukan

- Abdul Rahim Ali & Asmah Abu Bakar. (2018). Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Peta i-Think Oleh Guru Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Paradigma*. Vol 16: 36-54.
- Abdul Razaq Ahmad. (2014). Determination of Teaching Aids and Methods To Inculcate Thinking Skills In History Subjects. *TAWARIKH: International Journal for Historical Studies*, 6(1): 1-12.
- Awanis binti Mohd, Aimunmadiyah binti Mohd Nawawi & Dr Siti Noor binti Ismail. (2016). Tahap Efikasi Guru dan Hubungannya Dengan Pencapaian Sekolah Di Sekolah-sekolah dalam Daerah Bachok. *Proceeding of ICECRS*. 1(2016): 312-326.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, & Abd. Rahman Abd. Aziz. (2005). Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 7: 15-24.
- Burgueno, R., Sicilia, A., Medina-Casabon, J., Alcaraz-Ibanez, M., & Lirola, M.-J. (2019). Psychometry of the Teacher's Sense of Efficacy Scale in Spanish Teachers' Education. *The Journal of Experimental Education*, 87(1): 89–100. <https://doi.org/10.1080/00220973.2018.1423542>
- Faridah Darus dan Mohd Khairuddin @ Jerry Abdullah. (2021). Amalan Efikasi Guru Dan Hubungan Dengan Kepedulian Kerja Guru MRSM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(6): 201-208. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.818>
- Liang, F. S., & Tai, M. K. (2021). Efikasi Kendiri Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40): 160-167.

- M. Kaviza. (2019). Persepsi Guru Terhadap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Sumber. *Malaysian Journal of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*. Vol 5(12): 413-422. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.653>
- M. Kaviza. (2019). Tahap Pengamalan Dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Perspektif Murid Berdasarkan Empat Dimensi Gaya Pembelajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol 4 (31): 32-45
- Mohd. Norakmar Omar, Siti Noor Ismail, Abd Latif Kasim. 2019. Hubungan kepemimpinan Teknologi Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Oktober 2019. Vol (6)4.
- Noornajihan Jaafar. (2019). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 34, 65–85. <https://doi.org/10.21315/apjee2019.34.4>
- Norsimah Dasan & Mohd Mahadzir. 2020. Hubungan Efikasi Kendiri Guru Dengan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 17(4):173-187.
- Ong Eng Ling, Faridah Mydin Kutty. (2022). Peranan Efikasi Kendiri Dan Kemahiran Teknologi Digital Guru Sekolah Rendah Dalam Memotivasikan Pembelajaran Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol (7)3. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1374>
- Raja Nor Azuwah Raja Yusof, Nik Rosila Nik Yaacob. (2022). Tahap Efikasi Kendiri Terhadap Aplikasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Pulau Pinang. *Asian People Journal*. Vol (5): 179-189.
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing and Elusive Construct. *Teaching and Teacher Education*. 17: 783-805